

# Jangan ketepi hak isteri terdahulu

➔ GERAKWANIS minta maklum pernikahan suami menerusi notis

Oleh Hidayah Mohammad  
hid\_mohd@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**P**ersatuan Gerak Wanita Islam Malaysia (GERAKWANIS) menggesa kerajaan Perak tidak menyetepikan hak isteri pertama dengan memaklumkan pernikahan suami menerusi notis.

GERAKWANIS menyarankan gesaan itu berikutan cadangan kerajaan



Bibi Sunita  
Sakandar Khan

negeri meminda Seksyen 23 Undang-Undang Perkahwinan Islam 2004, membenarkan suami berpoligami tanpa kehadiran isteri pertama memberi keterangan bagi melancarkan permohonan.

Pengerusinya, Bibi Sunita Sakandar Khan, berkata walaupun isteri pertama atau terdahulu tidak setuju hadir ke mahkamah seperti termaktub dalam undang-undang untuk mendapatkan keterangan, pernikahan masih boleh diteruskan.

## Beri notis makluman

Biar pun isteri enggan bekerjasama, beliau berkata, demi melancarkan pernikahan, hak mereka tidak seharusnya diketepikan sekurang-kurangnya diberi notis makluman.

“Selepas dimaklumkan kepada isteri pertama walaupun tanpa persetujuan, pernikahan boleh diteruskan.

“Suami ada hak berpoligami tanpa mendapat izin isteri terdahulu,” katanya ketika dihubungi *BH*, baru-baru ini.

Bibi Sunita berkata, mahkamah boleh meluluskan pernikahan, bagaimanapun perlu melihat pelbagai sudut kemampuan suami bagi mengelak masalah berhubung pemberian nafkah zahir dan batin secara adil.

Katanya, wanita seharusnya melihat poligami dari sudut positif dan menyokong bagi mengelak masalah lain seperti berzina dan berkahwin di negara luar.

“Keterangan isteri pertama penting bagi menyukarkan permohonan selain mengelak suami berkahwin di sempadan Thailand.

“Kami melihat usaha ini menghalang berlaku zina antara suami dengan wanita lain. Kesan lebih ketara lahirnya anak luar nikah yang merosakkan generasi masa depan.

“Bagi mengelak perkara buruk, wanita perlu bersikap terbuka, toleransi serta memahami konsep poligami dalam Islam.

“Setiap wanita perlu positif tanpa mementingkan diri demi kepentingan ummah,” katanya.

Beliau berkata, sekiranya isteri pertama hadir ke mahkamah membantu melancarkan proses poligami, pada masa sama mereka boleh menuntut hak yang seharusnya mereka peroleh, selain setiap pihak memahami kedudukan masing-masing.

Bagi meminda undang-undang berkenaan, GERAWANIS mencadangkan kerajaan menganjurkan lebih banyak program poligami bagi membantu meningkatkan kesedaran wanita terhadap isu berkenaan.

“Ini membantu wanita berfikir terbuka dan memahami konsep poligami secara menyeluruh menyeluruh dari sudut syariat,” katanya.